

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2024**

Kementerian Pendidikan (KPM) memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2024 akan dikeluarkan pada **24 April 2025 (Khamis)**. Seramai 402,956 calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPM Tahun 2024 di 3,337 pusat peperiksaan seluruh negara.

Calon sekolah boleh memperoleh keputusan peperiksaan SPM Tahun 2024 daripada sekolah masing-masing **mulai pukul 10.00 pagi** pada tarikh tersebut. Bagi calon persendirian, keputusan peperiksaan akan dihantar melalui pos atau calon boleh menghubungi jabatan pendidikan negeri tempat calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan.

Pihak sekolah hendaklah memastikan pengurusan penyerahan keputusan peperiksaan SPM Tahun 2024 kepada calon dilaksanakan secara cekap dan teratur.

Calon sekolah dan calon persendirian juga boleh membuat semakan keputusan peperiksaan melalui kaedah berikut:

- i. secara dalam talian melalui pautan **myresultspm.moe.gov.my** untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan SPM Tahun 2024 mulai pukul 10.00 pagi pada 24 April 2025 sehingga pukul 6.00 petang pada 30 April 2025; dan/atau
- ii. secara **sistem pesanan ringkas (SMS)** untuk mendapatkan ringkasan keputusan peperiksaan SPM Tahun 2024 dengan menaip **SPM<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran** dan **hantar ke 15888**. Sistem ini akan diaktifkan mulai pukul 10.00 pagi pada 24 April 2025 sehingga pukul 6.00 petang pada 30 April 2025.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua calon peperiksaan SPM Tahun 2024. Semoga kejayaan yang diraih menjadi pemangkin untuk terus melakar kecemerlangan pada masa hadapan.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
17 APRIL 2025**